



KENYATAAN MEDIA

SUMBANGAN MALAYSIA DAN USAHA GLOBAL DALAM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengetuai delegasi Malaysia menghadiri *The Combined 13th Meeting Of The Conference Of The Parties (COP13) To The Vienna Convention For The Protection Of The Ozone Layer Dan The 36th Meeting Of The Parties (MOP36) To The Montreal Protocol On Substances That Deplete The Ozone Layer (High Level Segment)* pada 31 Oktober hingga 1 November 2024 bertempat di Pusat Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCC) Bangkok, Thailand. Turut hadir ialah wakil daripada NRES dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Konvensyen Vienna mengenai Perlindungan Lapisan Ozon merupakan rangka kerja yang telah ditubuhkan sejak tahun 1985 bagi mempromosi penyelidikan, pemantauan sistematik dan perkongsian maklumat berhubung kesan aktiviti manusia terhadap lapisan ozon serta langkah-langkah adaptasi bagi memulihara lapisan ozon. Sementara itu, Protokol Montreal mengenai Bahan Penipis Lapisan Ozon merupakan satu perjanjian antarabangsa Multilateral Environmental Agreement (MEA) yang ditubuhkan di bawah Konvensyen Vienna. Malaysia telah menjadi parti kepada Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal sejak tahun 1989.

Sehingga kini, sebanyak 198 buah negara telah menjadi parti dan bertanggungjawab untuk mengurangkan atau menghentikan pengeluaran serta penggunaan bahan-bahan yang menipiskan lapisan ozon (Bahan Pemusnah Ozon – BPO) dan bahan lain yang dikawal di bawah Protokol Montreal.

Mesyuarat COP diadakan setiap tiga (3) tahun sekali manakala MOP merupakan mesyuarat tahunan bagi memuktamadkan usul-usul berkaitan perlindungan lapisan ozon dan BPO.

Pada persidangan ini, Ketua Setiausaha NRES yang mewakili Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menyampaikan kenyataan negara (*country statement*) di mana melalui pelaksanaan *Hydrochlorofluorocarbon (HCFC) Phase-Out Management Plan* (HPMP), Malaysia berjaya mengurangkan 70% penggunaan HCFC berbanding 43% sasaran asal di bawah Protokol Montreal. Malaysia turut menasarkankan penghapusan penuh penggunaan HCFC dapat dicapai menjelang 2030.

Dalam pada itu, di bawah *Kigali Implementation Plan* (KIP), Malaysia telah memperkenalkan penetapan kuota pada 1 Januari 2024 yang bertujuan mengawalselia pengimportan dan pengeksportan hidrofluorokarbon (HFC). Malaysia juga telah menyeru agar sokongan teknikal, kewangan dan pembangunan kapasiti kepada negara membangun termasuk Malaysia dapat diteruskan bagi memastikan pelaksanaan berterusan obligasi di bawah Protokol Montreal.

Dalam sesi mesyuarat pada kali ini, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Mesyuarat MOP36 bagi mewakili rantau Asia dan Pasifik. Selain itu, Malaysia juga berjaya mengekalkan keahlian (*co-opted member*) bersama China dalam Jawatankuasa Eksekutif Multilateral Fund (MLF).

Dalam rangka kerja rasmi ini, Ketua Setiausaha NRES turut mengadakan perbincangan dua hala bersama wakil Bank Dunia dan United Nations Environment Programme (UNEP) bagi membincangkan peluang kerjasama antara kedua-dua pihak dalam menyokong pelaksanaan Protokol Montreal.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

1 NOVEMBER 2024